

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

Tarikh : 29 Disember 2017

Kepada : Semua Warga Staf
Universiti Sains Malaysia
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan/IPPT

UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH


Assalamualaikum dan salam sejahtera.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tanggal 31hb. Disember 2017 merupakan hari terakhir saya berkhidmat sebagai Pendaftar USM.

3. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak USM yang telah memberi peluang dan kepercayaan saya berkhidmat sebagai Pendaftar selama 2 tahun di samping jawatan pentadbiran lain sebelum itu. Selain itu juga terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakan-rakan dari semua lapisan yang secara langsung dan tidak langsung memudahkan urusan saya menjalankan semua tanggungjawab yang telah diamanahkan. Hanya Allah SWT yang mampu membalasnya. Sebagai insan dan hamba Allah yang biasa sudah pastinya di dalam melaksanakan tugas yang melibatkan staf seramai melebihi 10,000 orang dan sekian banyaknya pelajar akan ada kekurangan, kesilapan tutur kata, matlamat serta sasaran yang tak tercapai dan sebagainya secara sedar atau tak sedar apatah lagi dalam jangka masa yang lama bukan sahaja sebagai Pendaftar tetapi juga sebagai Dekan, PPS Fizik selama 8 tahun, Dekan Penyelidikan Fundamental selama 7 tahun, Pengarah Kampus Kejuruteraan selama 3 tahun dan Pengarah IPPT selama 3 tahun. Saya menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf dari kalian semua. Doa saya agar semuanya, sihat, selamat dan bahagia, dirahmati, diberkati, dimudahkan rezeki serta USM terus maju dan tersohor dalam mendepani masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'



(PROFESOR DATO' DR. ABD. AZIZ TAJUDDIN)
Pendaftar

